

Muhyiddin dakwa Pakatan yang tiru manifesto BN
Malaysian Insider
April 9, 2013
Oleh Syed Jaymal Zahiid

KUALA LUMPUR, 9 April — Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Rakyat (PR) terus terlibat dalam peperangan mulut mengenai “ketulenan” manifesto masing-masing dengan BN mengatakan PR meniru polisi sedia ada kerajaan untuk janji pilihan raya mereka.

Timbalan pengerusi BN Tan Sri Muhyiddin Yassin berhujah, parti pembangkang kekurangan pengalaman dan pengetahuan mendalam mengenai polisi yang dicadangkan tentang kebajikan dan rancangan mereka untuk mengurangkan harga kenderaan yang telahpun dilaksanakan.

“Sebenarnya sebaliknya yang berlaku. Mereka yang meniru kami,” kata Muhyiddin (gambar) kepada pemberita selepas menyampaikan anugerah kepada pelajar cemerlang SPM di sini. Beliau menambah tuduhan oleh PKR semalam 17 Aku Janji manifesto gabungan pemerintah itu adalah “ciplak” tidak berasas sama sekali.

Mengenai idea popular PR untuk menurunkan harga kenderaan, timbalan presiden Umno itu mengatakan BN sudah memang mahu menurunkan harga kereta di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas Asean dan program perdagangan bebas lain.

“Kami sudah melakukannya.. bezanya kami akan melakukannya secara berperingkat di mana mereka mahu melakukannya sekarang tanpa mengambilkira kesan kepada industri kenderaan,” katanya.

Muhyiddin memberikan satu lagi contoh di mana PR berjanji untuk membina 150,000 rumah mampu milik, isu kunci dalam pilihan raya akan datang. Menurut orang nombor dua BN itu, perumahan mampu milik telah lama menjadi polisi BN.

“Mereka hanya mahu membina 150,000 rumah manakala kita telah menjanjikan sejuta,” kata Muhyiddin.

Semalam Pengarah Strategi PKR Rafizi Ramli menyelar manifesto BN sebagai ciplak daripada manifesto PR. Beliau juga mendakwa hanya 14 peratus janji BN yang tulen sementara 15 peratus lagi dicuri dari pakatan pembangkang tersebut.

Pemimpin PKR itu juga mengatakan 71 peratus dalam manifesto BN adalah mengenai program yang sedang berlangsung sekarang.

“Meniru kami, terutamanya dalam perkara utama seperti mengurangkan harga kereta, memansuhkan tol, memberi permit teksi individu, memperincikan peranan kerajaan dalam menyediakan rumah kepada rakyat daripada melepaskan tanggungjawab tersebut kepada sector swasta, membina rumah untuk pekerja estet dan memberikan bantuan yang diperlukan kepada sekolah, menunjukkan Barisan Nasional menerima fakta Manifesto Rakyat adalah bagus, boleh dilaksanakan dan memenuhi permintaan rakyat,” katanya.

BN berikrar untuk menurunkan harga kereta secara berperingkat dengan 20 hingga 30 peratus, akan tetapi PR menjanjikan akan memotong cukai bagi kenderaan persendirian 20 peratus setiap tahun sehingga cukai tersebut dimansuhkan pada 2018.

Walaupun kedua-dua manifesto mungkin kelihatan hampir sama, Muhyiddin berhujah manifesto BN adalah berdasarkan pendekatan holistik dan data yang konkrit.

PR, di sisi lain, hanya mengumumkan langkah-langkah populis yang boleh menyebabkan defisit tinggi di negara ini kepada 11 peratus dari defisit semasa empat peratus.

"Kami telah mengambil kira semua faktor dan kami telah melakukan untuk melaksanakan janji-janji kami selama lima tahun (satu penggal) dan ianya adalah berdasarkan data realistik dan yang paling penting dalam konteks mengurangkan defisit," kata beliau.

Muhyiddin mendakwa "pakar" mengira janji-janji PR yang termasuk subsidi berterusan ke atas barang-barang asas, pendidikan percuma dan memansuhkan tol, akan meningkatkan hutang awam.

Pemimpin-pemimpin BN lain telah menggunakan hujah yang sama untuk menentang tawaran PR kepada pengundi tetapi pakatan pembangkang persekutuan menegaskan mereka "pro-rakyat" dan dasar-dasar tersebut boleh dibiayai dengan wang yang disimpan dari menghalang "kebocoran" dan rasuah.

Pemerhati politik mengatakan kedua-duanya manifesto BN dan PR kurang mengenai bagaimana untuk melaksanakan penyelesaian mereka kepada masalah negara dan kekurangan rangka kerja dasar lebih besar yang menyatukan cadangan mereka.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/muhyiddin-dakwa-pakatan-yang-tiru-manifesto-bn/>